

Penduduk dakwa kerja korek pasir bawa risiko hakisan

Baling: Lebih 30 pemilik rumah di sepanjang Sungai Ketil di Kampung Kuala Chenerai dekat Kuala Pegang di sini, mendakwa diancam risiko hakisan berikutan kerja mengorek pasir yang dilakukan di kawasan sungai berkenaan.

Rata-rata penduduk mendakwa kerja mengorek pasir yang berterusan sejak kira-kira sebulan lalu itu tidak terkawal sehingga menyebabkan tebing sungai yang jaraknya hanya kira-kira 10 meter dari kediaman terhakis.

Penduduk, Salmah Che Nai, 67, berkata keluarganya tidak tidur nyenyak sejak projek mengorek pasir berkenaan dijalankan, berikutan bimbang dengan keadaan tebing berhampiran rumahnya yang semakin terhakis.

Katanya, walaupun sudah kira-



Sepatutnya setiap projek yang hendak dilakukan diberi notis atau dimaklumkan kepada penduduk dengan menampal notis tertentu, namun itu tidak berlaku”

Salmah Che Nai,
Penduduk

kira sebulan projek itu berjalan, pihak berkenaan tidak pernah memaklumkan kepada penduduk kampung, menyebabkan rata-rata mereka terkejut kerana ia berterusan sehingga mengganggu keselamatan penduduk.

Penduduk khuatir

“Sepatutnya setiap projek yang hendak dilakukan diberi notis atau dimaklumkan kepada penduduk dengan menampal notis tertentu, namun itu tidak berlaku.

“Kini kerja mengorek pasir sudah menghampiri kawasan tebing berdekatan dengan kediaman, sekali gus menyebabkan penduduk khususnya yang tinggal berhampiran tebing sungai khuatir dan bimbang dengan kejadian hakisan terutama pada waktu hujan,” katanya.



Penduduk Kampung Kuala Chenerai dekat Kuala Pegang menunjukkan tebing Sungai Ketil yang terhakis.